



DUL GHAFAR (empat dari kanan) menunjukkan sebahagian rampasan ketika sidang akhbar di pejabatnya di Ipoh semalam.

Kubur lokasi sembunyi rokok

**Kastam berjaya
bongkar taktik
dua lelaki
Usaha bagi
mengaburi mata
pihak berkuasa**

h ASLIZA MUSA
DH – Taktik sindiket penye-
lupan rokok putih mengaburi
pihak berkuasa dengan
letakkan lori berisi barangan
larang itu di kawasan sunyi
masuk tanah perkuburan
lepas selepas tertangkapnya
dua lelaki dalam serbuan pada
Januari lalu.

Pengarah Jabatan Kastam
Diraja Malaysia (JKDM) Perak,
Datuk Abdul Ghafar Mohamad
berkata, dua lelaki itu ditahan
oleh sepasukan anggota pen-
guat kuasa JKDM Ipoh di tapak
perkuburan di Kamunting pada
pukul 11.30 pagi.
Katanya, ketika ditahan,
kedua-dua lelaki itu berada di
dalam lori yang mengandungi
852,500 batang rokok putih pel-
bagai jenama.
“Rokok putih yang diram-
pas itu dianggarkan bernilai
RM93,775 dengan anggaran
duti atau cukai sebanyak
RM554,977.50.
“Pemeriksaan mendapati,
rokok-rokok yang disita itu tidak
mempunyai pelekat setem cu-

“
Rokok putih
yang dirampas
itu dianggarkan
bernilai RM93,775
dengan anggaran
duti atau cukai
sebanyak
RM554,977.50.”

ABDUL GHAFAR

kai selain tidak mengikut syarat-
syarat seperti yang ditetapkan
di bawah Perintah Kastam (La-
rangan Mengenai Import) 2023,”
katanya di sini semalam.

Kata beliau, serbuan pada
hari sama turut dilakukan di
sebuah rumah tidak berpeng-
huni di Taiping dan berjaya
menemukan 467,100 batang ro-
kok putih dan kretek pelbagai
jenama.
Katanya, barangan yang di-
sita dalam serbuan pada pukul
2.30 petang itu dianggarkan
bernilai RM57,695 dengan jum-
lah duti atau cukai sebanyak
RM304,713.50.
“Siasatan mendapati, modus
operandi yang digunakan oleh
sindiket penyeludupan tersebut
adalah meletakkan lori berisi ba-
rang larangan di kawasan sunyi
yang tidak mencurigakan serta
premis kosong bagi mengaburi
pihak berkuasa.